
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

Wawasan Nuklear Malaysia



Strategi dan Inisiatif

Isi Kandungan

Perkara			Halaman
PERUTUSAN KETUA PENGARAH			iv
RINGKASAN EKSEKUTIF			v
1	PENGENALAN		1
1.1	Latar Belakang		2
1.2	Struktur Organisasi		7
1.3	Pelanggan dan Pemegang Taruh		8
1.4	Aspirasi Masa Hadapan		8
1.5	Isu dan Cabaran		11
2	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MALAYSIA NUKLEAR Visi, MisI, Objekif, Fungsi, Punca Kuasa dan Nilai Sepunya		13
3	TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN INISIATIF		17
3.1	Teras Strategik 1:	Sains dan Teknologi Nuklear untuk Meningkatkan Daya Saing Industri	19
3.2	Teras Strategik 2:	Sains dan Teknologi Nuklear untuk Kesejahteraan Rakyat dan Alam Sekitar	29
3.3	Teras Strategik 3:	Perkhidmatan Sokongan Teknikal yang Berkesan dan Cekap untuk P&P dan Penyampaian Perkhidmatan	39
3.4	Teras Strategik 4:	Tadbir Urus Nuklear di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa	53
3.5	Teras Strategik 5:	Persekitaran Kondusif bagi Memupuk Bakat dan Kapasiti P&P dalam Sains dan Teknologi Nuklear	59
RUJUKAN			64
AKRONIM			65
PENGHARGAAN			66

Wawasan Nuklear Malaysia



Strategi dan Inisiatif

Perutusan Ketua Pengarah

Wawasan Nuklear Malaysia 2021-2030 (WNM 2030) adalah dokumen strategik yang menggariskan visi kami pada masa hadapan dan menyediakan hala tuju jangka panjang yang jelas, dan menyatukan semua aktiviti Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Dokumen ini merangkumi teras strategik, strategi, aktiviti, penunjuk dan sasaran untuk jangka masa 2021 hingga 2030. Dokumen ini juga bertujuan membimbing Nuklear Malaysia untuk memenuhi keperluan yang semakin berkembang dan mengatasi pelbagai cabaran dalam mengaplikasikan sains dan teknologi nuklear secara aman di negara ini.

WNM 2030 telah dibangunkan dengan mengambil kira sejarah Nuklear Malaysia yang lampau dan membanggakan sebagai institusi penyelidikan dan pembangunan (P&P) sains dan teknologi nuklear utama di Malaysia.

Dokumen ini berhasrat untuk meneruskan momentum Pelan Strategik Agensi Nuklear Malaysia 2012-2020 dengan mengintegrasikan beberapa aktiviti utama masa lalu ke dalam perancangan sekarang untuk memastikan kesinambungan dan kelestariannya. Dokumen strategik ini diformulasi dengan menggunakan kebolehan dan komitmen pakar-pakar kami yang secara kolektif bersemangat untuk menyumbang pengetahuan yang diperlukan untuk merangka pelan komprehensif sebegini.

Hala tuju strategik dalam dokumen ini telah direka agar seiring dengan polisi kerajaan, kehendak dan keperluan pemegang taruh dan pelanggan Nuklear Malaysia serta perubahan dalam landskap domestik dan global. WNM 2030 juga merangkumi asas polisi dan pembangunan negara dan antarabangsa yang relevan termasuk Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Industri 4.0, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030.

Uniknya, pelan ini tidak hanya fokus kepada aplikasi teknologi nuklear sahaja, tetapi turut memberi tumpuan kepada teknologi nuklear terbaru yang menggantikan teknologi sedia ada seperti kecerdasan buatan, "internet-of-things", percetakan 4D, robotik, dron dan teknologi untuk menyelesaikan masalah negara kita. Secara strategiknya, ini mencerminkan dan selari dengan seluruh spektrum aktiviti Nuklear Malaysia untuk menyokong keutamaan negara dalam industri, perubatan dan penjagaan kesihatan, makanan dan pertanian, sumber asli, air dan alam sekitar.

WNM 2030 adalah satu dokumen yang dinamik dan fleksibel. Oleh yang demikian, kakitangan Nuklear Malaysia mempunyai kebebasan untuk membuat pelbagai aktiviti yang mempunyai nilai tambah dalam kerangka pelan ini. Hala tuju strategik ini membentuk asas yang kukuh untuk menghasilkan dan mengukur kejayaan program dan aktiviti Nuklear Malaysia. Dengan itu, sumber yang ada akan diagihkan secara saksama bagi memastikan sasaran yang dirancang dapat dicapai sebaiknya dan seterusnya akan membantu kemampanan dan memperkukuhkan institusi yang hebat ini.

Melalui dokumen ini, diharapkan segala perancangan dan pelaksanaan kerja akan lebih fokus, sistematik dan produktif bagi memenuhi keperluan pemegang taruh, menghasilkan output P&P yang inovatif, bermanfaat dan dapat dipasarkan, serta meningkatkan inovasi tempatan yang dapat melonjakkan tahap sosio ekonomi dan kesejahteraan rakyat, di samping memenuhi aspirasi negara ke arah negara maju dan berteknologi tinggi. Kejayaan pelaksanaan wawasan ini akan meningkatkan keupayaan dan kelestarian Nuklear Malaysia untuk terus memainkan peranan sebagai pemimpin bagi memperjuangkan dan mengarusperdanakan sains dan teknologi nuklear di Malaysia.

Terima kasih.



Ringkasan Eksekutif



Sebagai institusi P&P terulung dalam sains dan teknologi nuklear di Malaysia, Nuklear Malaysia memainkan peranan untuk mempromosikan, membangunkan dan melonjakkan lagi penggunaan teknologi nuklear secara aman dalam pelbagai bidang termasuk industri, perubatan dan penjagaan kesihatan, makanan dan pertanian, air dan alam sekitar, sumber asli, dan tenaga untuk menyokong kelestarian pembangunan negara.


WNM 2030 adalah komitmen Nuklear Malaysia ke arah organisasi yang lebih kompetitif, produktif dan efektif melaksanakan fungsinya, yang teguh dibangunkan berdasarkan asas sains dan teknologi nuklear. Nuklear Malaysia komited untuk memperkasakan aktiviti terasnya agar selari dengan aspirasi negara dan agenda antarabangsa. Seterusnya, ini akan mengoptimumkan nilai dan impak yang dapat ditawarkan oleh organisasi ini untuk pembangunan sosioekonomi negara. Dokumen ini telah disediakan berasaskan pelan strategik terdahulu serta turut mengambil kira polisi dan pelan yang relevan di peringkat dalam dan luar negara termasuk Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Pembangunan Malaysia, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN), dan SDG. WNM 2030 telah diformulasikan selepas perbincangan terperinci dalam kalangan pakar Nuklear Malaysia berdasarkan penilaian menyeluruh dan prospek masa depan sains dan teknologi nuklear di negara ini

WNM 2030 bertujuan untuk memperkasa keupayaan dan kemampuan Nuklear Malaysia sebagai pelopor sains dan teknologi nuklear di Malaysia. Dokumen ini akan meneraju Nuklear Malaysia untuk mencapai objektif utamanya, iaitu:

- Menjana produk dan teknologi baru melalui penyelidikan dan inovasi berdasarkan agenda pembangunan negara;
- Meningkatkan kecemerlangan organisasi melalui perancangan dan pengurusan berkualiti;
- Memperkasa Nuklear Malaysia sebagai Organisasi Sokongan Teknikal dalam bidang sains dan teknologi nuklear serta teknologi berkaitan; dan
- Memperkasa hubungan dan kerjasama dengan organisasi antarabangsa.

WNM 2030 mempunyai lima (5) teras strategik. Teras strategik tersebut ialah:

Teras Strategik 1



Sains dan Teknologi Nuklear untuk Meningkatkan Daya Saing Industri

Teras Strategik 2



Sains dan Teknologi Nuklear untuk Kesejahteraan Rakyat dan Alam Sekitar

Teras Strategik 3



Perkhidmatan Sokongan Teknikal yang berkesan dan cekap untuk P&P dan penyampaian perkhidmatan

Teras Strategik 4



Tadbir Urus Nuklear di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa


Teras Strategik 5



Persekitaran Kondusif bagi Memupuk Bakat dan Kapasiti P&P dalam Sains dan Teknologi Nuklear


Berdasarkan teras strategik ini, Nuklear Malaysia telah menggariskan strategi dan inisiatif untuk dilaksanakan sepanjang tempoh 2021-2030. Pelaksanaan WNM 2030 akan memastikan akauntabiliti penyelidik Nuklear Malaysia. Oleh itu, dokumen ini adalah rujukan utama bagi perancangan aktiviti Nuklear Malaysia. Sasaran dan petunjuk prestasi ditetapkan untuk setiap aktiviti bagi tujuan penilaian. Pelaksanaan pelan ini akan dipantau setiap tahun melalui penilaian KPI. Penilaian separuh penggal juga akan dilaksanakan untuk memastikan WNM 2030 sentiasa selari dengan senario semasa dan polisi kerajaan, terutamanya yang berkaitan sains dan teknologi nuklear.

Dokumen ini adalah dinamik. WNM 2030 berfungsi sebagai sumber rujukan utama untuk hala tuju masa depan Nuklear Malaysia. Kejayaan pelaksanaan pelan ini secara keseluruhannya bergantung kepada komitmen penyelidik, ketersediaan kemudahan canggih, dan penerimaan serta penerapan nilai sepunya. Dengan demikian, Nuklear Malaysia akan lebih kompetitif dan berdaya tahan untuk menghadapi masa depan yang dinamik serta meningkatkan penggunaan teknologi nuklear ke arah pembangunan negara yang lestari.



1 Pengenalan


1.1 Latar Belakang



Sejak lebih empat dekad kewujudannya, Nuklear Malaysia telahpun melaksanakan fungsi-fungsinya selaras dengan polisi kerajaan seperti Wawasan 2020, Rancangan Malaysia, dan DSTIN. Agensi ini juga sentiasa memastikan aktivitinya sealiran dengan arus perdana sains dan teknologi, serta memenuhi kepentingan negara.

Nuklear Malaysia telah ditubuhkan untuk mempromosi penggunaan teknologi nuklear secara aman dan sebagai salah satu penyumbang serta pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara. Semua aktiviti Nuklear Malaysia telah dirancang dan dirangka selari dengan kepentingan negara berdasarkan kepada lapan (8) bidang utama, termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, (1) industri, (2) perubatan dan penjagaan kesihatan, (3) makanan dan pertanian, (4) sumber asli, (5) air, (6) alam sekitar, (7) tenaga, dan (8) keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Memperkasakan kepakaran, kemampuan, dan pengetahuan merupakan salah satu sasaran dalam pembangunan modal insan. Bagi memastikan pelaksanaan fungsinya secara berkesan, Nuklear Malaysia mempunyai modal insan yang layak berkelayakan dan kompeten untuk melaksanakan semua aktiviti yang telah dirancang. Sehingga Jun 2021, Nuklear Malaysia mempunyai seramai 741 kakitangan. Taburan kakitangan tetap, kontrak dan kader sehingga Jun 2021, ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Taburan kakitangan tetap, kontrak dan kader (sehingga Jun 2021)

Sebagai peneraju institusi P&P di dalam sains dan teknologi nuklear, Nuklear Malaysia dilengkapkan dengan kemudahan utama dan makmal berkaitan sains dan teknologi nuklear bertaraf dunia untuk melaksanakan fungsi-fungsinya.

Kemudahan Utama


Reaktor TRIGA PUSPATI


Makmal Dosimetri Standard Sekunder (SSDL)


Rumah Hijau Gama



RAYMINTEX



Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia (CoNE)


SINAGAMA

ALURTRON



Stesen Pemantauan Radionuklid CTBTO




Loji Perintis Pemprosesan Bahan Mineral


Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif


Makmal Radiokimia & Alam Sekitar (RAS)


Makmal Teknologi Sisa & Tenaga


Makmal Pengeluaran Radioisotop


Makmal Ujian Tanpa Musnah (NDT)

Rajah 2 : Kemudahan utama di Nuklear Malaysia



Jadual 1 : Kemudahan yang dipersijilkan dan diakreditasi dengan ISO

No.	Kemudahan	Persijilan dan Akreditasi ISO	Kejayaan
1.	SINAGAMA	ISO 9001:2015 & ISO 13485:2016	Kemudahan pertama kerajaan yang ditauliahkan dengan persijilan ISO 9001
2.	ALURTRON	ISO 9001:2015	Perkhidmatan penyinaran alur untuk peningkatan kualiti produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Berjaya dikomersialkan
3.	RAYMINTEX	ISO 9001:2015	Loji penghasilan lateks getah asli tervulkan sinaran (RVNRL) yang pertama di dunia
4.	Pusat Pembangunan Teknologi Sisa (WasTeC)	ISO 9001:2015	Diiktiraf sebagai Pusat Pengurusan Sisa Radioaktif Kebangsaan
5.	Pusat Kecemerlangan Nuklear	ISO 9001:2015	Diiktiraf sebagai Pusat Latihan Serantau Kursus Pendidikan Pascasiswazah dalam Perlindungan Sinaran dan Keselamatan Punca Sinaran
6.	Makmal Standard Dosimetri Sekunder (SSDL)	ISO 9001:2015	Diiktiraf sebagai Pusat Metrologi Sinaran Kebangsaan
7.	Makmal Radiokimia dan Alam Sekitar	ISO/IEC 17025:2017	Agensi pertama kerajaan bertindak sebagai Makmal Analisis Keradioaktifan Kebangsaan dan diakreditasi dengan ISO/IEC 17025 sejak 2005
8.	Makmal Fizik Perubatan	ISO/IEC 17025:2017	Diakreditasi dengan ISO/IEC 17025 sejak 2013
9.	Kumpulan Sinaran Tidak Mengion (NIR)	ISO/IEC 17020:2012	Kemudahan pertama agensi kerajaan diakreditasi dengan ISO/IEC 17020 pada tahun 2020
10.	Pusat Teknologi Maklumat (IT)	ISO/IEC 27001:2013	Kemudahan pertama di Nuklear Malaysia menerima pensijilan ISO/IEC 27001
11.	Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Nuklear Malaysia	ISO 22301:2012	Agensi kerajaan pertama menerima pensijilan ISO 22301

Di peringkat antarabangsa, Nuklear Malaysia diiktiraf sebagai Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) *Collaborating Centre (ICC) in Radiation Processing of Polymers, Waste Polymers and Biocomposites, Advanced Non-Destructive Testing and Plant Mutation Breeding Using Chronic Gamma Irradiation.* Nuklear Malaysia juga menjadi tuan rumah penganjuran *Postgraduate Educational Course (PGEC) in Radiation Protection and the Safety of Radiation Sources* setiap tahun dan menerima peserta dari negara di rantau Asia dan Pasifik seperti Bangladesh, Brunei, Kemboja, China, Indonesia, Jamaica, Jordan, Kuwait, Laos, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Nepal, Oman, Pakistan, Sri Lanka, Thailand dan Arab Saudi.

Selama beberapa dekad yang lalu, Nuklear Malaysia telah berjaya mendapatkan dana untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan dalam bidang sains dan teknologi nuklear. Sumber dana diterima dari dalam dan luar negara. Di dalam negara, dana ini diperolehi daripada Rancangan Pembangunan Malaysia, dana penyelidikan dan pengkomersialan MOSTI dan Skim Geran Penyelidikan *Fundamental* (FRGS). Manakala, sumber dana luar negara pula ialah agensi antarabangsa seperti IAEA, *Regional Cooperative Agreement* (RCA) dan *Forum for Nuclear Cooperation in Asia* (FNCA). Pencapaian Nuklear Malaysia dalam P&P terus cemerlang, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Output P&P yang dihasilkan oleh Nuklear Malaysia sering memenangi pertandingan P&P di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Nuklear Malaysia terus cemerlang dalam P&P di peringkat tempatan dan antarabangsa. Output P&P (produk, proses, dan prosedur) yang dihasilkan sering menyertai pertandingan inovasi dalam luar negara. Beberapa produk P&P Nuklear Malaysia telah dikomersialkan pada masa yang sama, Nuklear Malaysia juga menawarkan khidmat konsultasi dan teknikal kepada pelanggan tempatan dan antarabangsa. Pelanggan Nuklear Malaysia termasuklah syarikat industri, industri pertanian dan penjagaan kesihatan, agensi kerajaan dan institusi pendidikan.

Nuklear Malaysia juga bertindak sebagai agensi penghubung antara Malaysia dan IAEA. Kerjasama erat antara Malaysia dan IAEA telah wujud sejak 1969. Kerjasama ini telah banyak memberi manfaat kepada Malaysia dalam pelbagai cara, khususnya dalam pembangunan keupayaan dan kepakaran tempatan, serta mendapatkan teknologi baru untuk memperkasa program sains dan teknologi nuklear kebangsaan.

Selain itu, Nuklear Malaysia merupakan Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi pelaksanaan CTBT di Malaysia. Peranan utamanya adalah untuk memastikan obligasi dan komitmen negara kepada CTBT. Di bawah CTBT, Nuklear Malaysia diamanahkan untuk menjalankan stesen pemantauan radionuklid (RN42) di stesen Cameron Highlands, Pahang dan Pusat Data Kebangsaan (NDC) di Kajang, Selangor. Nuklear Malaysia juga aktif mempromosikan CTBT kepada pemegang taruh tempatan berkaitan, untuk memastikan pelaksanaan CTBT yang berkesan di Malaysia.

Berikutan inisiatif kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak pekerja berpengetahuan, Nuklear Malaysia mengorak langkah sebagai penyedia latihan untuk teknologi nuklear dan teknologi berkaitan. Secara purata, Nuklear Malaysia telah melatih seramai 300 felo dan pelawat saintifik antarabangsa setahun. Sebahagian daripada pegawai Nuklear Malaysia juga diiktiraf sebagai pakar antarabangsa dan telah dijemput oleh IAEA dan negara lain bagi misi pakar.

Nuklear Malaysia mempunyai hubungan yang kukuh dan erat dengan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, institusi penyelidikan dan, institusi pendidikan dan latihan. Kerjasama ini dilaksanakan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) atau Memorandum Persetujuan (MoA). Nuklear Malaysia juga mengadakan kerjasama multilateral dan bilateral dengan rakan bereputasi tinggi di peringkat antarabangsa dan serantau. Kerjasama ini memudahkan lagi bantuan teknikal dan penempatan tenaga pakar serta perkongsian sumber.

11 November 1971

Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear/ *Centre for Application of Nuclear Energy* (CRANE) ditubuhkan

Ogos 1973

Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) mencadangkan CRANE dinamakan semula sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dan diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar (MOSTE)

16 Jun 1983

PUSPATI dijenamakan semula sebagai Unit Tenaga Nuklear/ *Nuclear Energy Unit* (UTN) dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM)

UTN Unit Tenaga Nuklear

27 Oktober 1990

UTN dipindahkan semula dari Jabatan Perdana Menteri ke MOSTE

10 Ogos 1994


UTN dinamakan semula sebagai Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia/ *Malaysian Institute for Nuclear Technology Research* (MINT)

MINT MALAYSIAN INSTITUTE FOR NUCLEAR TECHNOLOGY RESEARCH

13 April 2005


MINT dinamakan semula sebagai Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

NUKLEAR MALAYSIA



Rajah 3 : Sejarah Nuklear Malaysia

1.2 Struktur Organisasi



Rajah 4 : Struktur Organisasi Nuklear Malaysia

1.3 Pelanggan dan Pemegang Taruh

Nuklear Malaysia berdedikasi untuk memenuhi komitmennya kepada pelanggan dan pemegang taruhnya, di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelanggannya dikategorikan kepada dua kumpulan, (1) pelanggan dalaman, dan (2) pelanggan luar. Pelanggan dalaman merujuk kepada pelanggan di dalam Nuklear Malaysia, sementara pelanggan luar adalah entiti dari pihak kerajaan dan pihak berkuasa pengawalselia, sektor swasta, institusi pendidikan, organisasi bukan kerajaan, dan pihak awam.

Aktiviti Nuklear Malaysia turut mengambil kira keperluan pemegang taruhnya. Di antara pemegang taruh Nuklear Malaysia ialah:

a. Kementerian dan agensi kerajaan berkaitan (seperti MOSTI, MOF, MAFI, MOH, dan lain lain)
b. Badan pengawalselia berkaitan (LPTA, KKM, dan lain lain.)
c. IAEA, CTBTO dan badan antarabangsa yang lain.
d. Universiti dan institusi pendidikan dan latihan.
e. Komuniti setempat dan sektor swasta

1.4 Aspirasi Masa Hadapan

Dekad baru ini akan menjadi masa yang penuh dengan cabaran, di mana teknologi dijangka akan mengalami perubahan yang pantas dan mengubah dunia dari kemunculan isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim dan kesihatan awam / penyakit berjangkit. Oleh itu, untuk mengekalkan kerelevanannya, Nuklear Malaysia harus memastikan aktivitinya selari dengan kepentingan nasional dan perkembangan antarabangsa. Dasar utama yang akan menjadi tumpuan adalah Rancangan Pembangunan Malaysia ke-12 hingga ke-15 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di peringkat nasional untuk tempoh 2021-2030. Matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia menjelang 2030.

Dengan bantuan kerangka 10-10 ekosistem kondusif, Nuklear Malaysia berhasrat untuk menjadi salah satu institusi peneraju yang menyumbang kepada negara maju yang lestari, progresif, makmur dan harmoni pada tahun 2030.

Perubahan besar sosial dan ekonomi yang bergantung kepada sains dan teknologi dijangka berlaku di Malaysia pada masa hadapan, seperti yang dinyatakan dalam DSTIN 2021 - 2030 oleh MOSTI. Dengan ini, WNM2030 telah menggariskan pelbagai strategi dan inisiatif dalam penyetempatan teknologi nuklear. Melalui strategi ini, Nuklear Malaysia telah berusaha untuk menerajui beberapa bidang penyetempatan teknologi di masa hadapan seperti reaktor, akselerator, teknologi penyurih radioaktif, nadir bumi dan radioisotop dalam bidang perubatan.

Siklotron 30 MeV yang beroperasi sepenuhnya akan siap dibangunkan pada tahun 2030 untuk aplikasi-aplikasi yang menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara terutamanya dalam sektor perubatan dan perindustrian. Melalui kemudahan ini, ia akan membuka industri baharu dengan pengetahuan yang tinggi dan pasaran yang besar.

Pengeksploitasian sumber semula jadi negara secara bertanggungjawab di masa hadapan telah dimulakan oleh Nuklear Malaysia pada masa kini. Pada masa hadapan, Nuklear Malaysia menyasarkan untuk menjadi pusat pembangunan sensor menggunakan bahan-bahan tempatan. Bahan-bahan tempatan ini juga dapat digunakan sebagai bahan awal untuk sistem sel bahan bakar hidrogen diperbaharui yang berpatutan dan tahan lama untuk sekuriti tenaga.

Dalam sektor perubatan, Nuklear Malaysia telah menetapkan tujuannya dalam menambahbaik dan meningkatkan akses kepada perubatan nuklear dan memudahcara prosedurnya. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Dengan penambahbaikan ini, Nuklear Malaysia akan seterusnya menyumbang kearah mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Nuklear Malaysia telah memulakan program P&P dalam varieti baharu tanaman makanan yang dapat dihasilkan secara besar-besaran dan toleran terhadap perubahan iklim pada masa hadapan. Nuklear Malaysia juga akan menjadi Organisasi Sokongan Teknikal Kebangsaan (TSO) dalam pengurusan sumber semula jadi dan kualiti air menggunakan teknologi nuklear untuk manfaat kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Dengan penubuhan Pusat Sains & Teknologi Forensik, Nuklear Malaysia akan mempunyai kemudahan terkini untuk mengaplikasi teknologi nuklear dalam kajian forensik.

Sebagai Organisasi Sokongan Teknikal Kebangsaan (TSO), Nuklear Malaysia komited untuk menyokong KEGA yang berkaitan, termasuk Industri 4.0, Pusat Kecemerlangan, Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi dan Perkhidmatan Termaju dan Moden. Dengan ini, Nuklear Malaysia akan terus berinovasi dan membangunkankan produk dan proses berimpak tinggi dan nilai tambah yang dapat dikomersialkan dan dipindahkan ke industri atau komuniti. Tumpuan Nuklear Malaysia dalam membangunkan produk dan proses berimpak tinggi dan nilai tambah tidak akan terhad kepada sains dan teknologi nuklear tetapi akan dibangunkankan bersama dengan teknologi lain yang berkaitan seperti teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi dan nanoteknologi.

Nuklear Malaysia juga telah menghidupkan kembali usaha untuk merangka Dasar Teknologi Nuklear Negara 2021-2030. Objektif dasar ini adalah untuk menyediakan matlamat dan keperluan dalam memandu agenda nasional bagi kemajuan penggunaan teknologi nuklear secara aman. Ia memeta arah tuju untuk mendorong pembangunan teknologi nuklear dalam memenuhi keperluan negara dan mendukung inisiatif nasional untuk melaksanakan Matlamat Pembangunan Yang Mampan *(Sustainable Development Goals)* dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Dasar ini telah dirangka melalui rundingan secara mendalam dengan pemegang taruh nasional yang relevan.

Pengurusan Tertinggi **2021**



Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim
Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia



Dr. Abdul Rahim Harun
Timbalan Ketua Pengarah
Penyelidikan & Pembangunan Teknologi



Dr. Rosli Darmawan
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Teknikal



En. Mohd Sidek Othman
Pengarah Kanan
Pengkomersilan & Perancangan Teknologi



Dr. Muhammad Rawi Mohamed Zin
Pengarah Kanan
Program Pengurusan

Pengurusan Tertinggi **2022**

Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah
Penyelidikan & Pembangunan Teknologi

Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Teknikal

Pengarah Kanan
Pengkomersilan & Perancangan Teknologi

Pengarah Kanan
Pengurusan


1.5 Isu dan Cabaran

Nuklear Malaysia mestilah mengatasi beberapa isu dan cabaran bagi melaksanakan fungsi utamanya dengan optimum dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan di dalam dokumen ini.

Jadual 2 : Isu dan Cabaran

Isu	Cabaran
Memantapkan kerjasama antarabangsa	• Birokrasi • Halangan perundangan
Kelestarian sebagai organisasi sokongan teknikal kepada industri nuklear	• Penuaan sumber (tenaga kerja, kemudahan) • Kehilangan kepakaran • Pelan penggantian yang efektif • Pengekalan pengetahuan dan kepakaran kritikal
Kelestarian sebagai organisasi sokongan teknikal kepada industri nuklear	• Menyelaraskan P&P untuk memenuhi kepentingan negara • Kekurangan bimbingan dalam R&D&C untuk merangsang pembangunan negara
Peruntukan terhad untuk R&D&C, latihan dan infrastruktur	• Keyakinan dan kepercayaan terhadap kepakaran tempatan dan teknologi itu sendiri • Persepsi negatif • Kekurangan minat






2 Peranan dan Tanggungjawab Nuklear Malaysia

Visi, misi, objektif, nilai sepunya dan punca kuasa Nuklear Malaysia adalah seperti berikut:

Visi	Menerajui penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dalam sains dan teknologi nuklear untuk pembangunan negara yang mampan
Misi	Mencipta kekayaan, menjana pengetahuan baru dan memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial menerusi sains dan teknologi nuklear ke arah kemakmuran bersama
Objektif	• Menjana produk dan teknologi baharu menerusi penyelidikan dan inovasi berasaskan agenda pembangunan negara; • Mempertingkatkan kecemerlangan organisasi menerusi perancangan dan pengurusan berkualiti; • Memperkasakan Nuklear Malaysia sebagai Organisasi Sokongan Teknikal Kebangsaan dalam bidang nuklear dan teknologi berkaitan; dan • Memperkukuhkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi antarabangsa
Fungsi	• Melaksanakan R&D&C&I dalam bidang sains dan teknologi nuklear; • Memberi khidmat sokongan teknikal dan latihan dalam bidang nuklear dan teknologi yang berkaitan; • Menyelaras dan mengurus hal ehwal nuklear kebangsaan dan antarabangsa, sebagai agensi penghubung Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi pelaksanaan Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT); dan • Menjadi Pusat Kebangsaan kepada Metrologi Sinaran dan Pengurusan Sisa Radioaktif
Punca Kuasa	Punca kuasa Nuklear Malaysia dinyatakan dalam Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan B.30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi


Nilai Sepunya

Nuklear Malaysia telah mengenalpasti tujuh nilai sepunya untuk mencapai visi, misi dan objektif





3



Teras Strategik, Strategi & Inisiatif

3.0 Teras Strategik, Strategi dan Inisiatif

Tujuan strategik Nuklear Malaysia adalah untuk memperkasakan R&D&C&I dalam sains dan teknologi nuklear.


Kecemerlangan P&P ditonjolkan menerusi kemampuan Nuklear Malaysia untuk menghasilkan penemuan, penerbitan dan harta intelek P&P secara konsisten.

Selain itu, kecemerlangan dalam pengkomersialan dizahirkan melalui penggunaan inovatif teknologi nuklear, perkhidmatan dan pemindahan teknologi kepada pengguna akhir iaitu komuniti dan industri.

Penggabungan pelan strategik yang realistik dan komitmen yang tinggi daripada semua kakitangan berdasarkan nilai sepunya akan memastikan kejayaan Nuklear Malaysia menjadi sebuah organisasi berimpak tinggi yang cemerlang dalam R&D&C&I teknologi Nuklear.

Tujuan WNM2030 adalah untuk memperkukuhkan peranan Nuklear Malaysia dalam meneraju R&D&C&I dan penggunaan teknologi nuklear untuk pembangunan yang mampan.

Sebanyak 116 inisiatif telah dirangka untuk dilaksanakan berdasarkan lima teras strategik dan 37 strategi yang dikenalpasti.

Teras Strategik 1	Teras Strategik 2	Teras Strategik 3	Teras Strategik 4	Teras Strategik 5
				
Sains dan Teknologi Nuklear untuk Meningkatkan Daya Saing Industri	Sains dan Teknologi Nuklear untuk Kesejahteraan Rakyat dan Alam Sekitar	Perkhidmatan Sokongan Teknikal yang berkesan dan cekap untuk P&P dan penyampaian perkhidmatan	Tadbir Urus Nuklear di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa	Persekitaran Kondusif bagi Memupuk Bakat dan Kapasiti P&P dalam Sains dan Teknologi Nuklear

Teras Strategik 1

Sains dan Teknologi Nuklear untuk Meningkatkan Daya Saing Industri

No.	Strategi	Inisiatif
1.	Menerajui penyelidikan dan pembangunan (P&P) teknologi nuklear dan sinaran dalam sektor industri dan pembuatan	7
2.	Memajukan aplikasi teknologi NDT	3
3.	Memajukan teknologi nuklear untuk kemampanan pembangunan industri menggunakan penyurih radioaktif	2
4.	Memajukan teknologi punca terkedap dan peralatan pengukur nuklear moden	1
5.	Penerokaan teknologi baharu pengekstrakan unsur nadir bumi	1
6.	Membangunkan peralatan nuklear termaju dan pengesan sinaran	1
7.	Mengukuhkan teknik analitik nuklear untuk pembangunan dan pencirian bahan	3
8.	Peningkatan perkhidmatan, pengkomersialan dan pemindahan teknologi	5



No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
Strategi 1: Menerajui penyelidikan dan pembangunan (P&P) teknologi nuklear dan sinaran dalam sektor industri dan pembuatan							
1.	Membangunkan bahan biopolimer menggunakan teknologi pemprosesan sinaran dan pengeluaran bahan nanokomposit biopolimer	Pembangunan polisakarida dan terbitannya (karagenan, kanji dan selulosa) Pengekstrakan kandungan berharga daripada sisa pertanian menggunakan sinaran Pembangunan proses dan pengeluaran nanopartikel dari oksida logam dan garam logam menggunakan sinaran	Menghasil, menciri dan menguji produk Penghasilan makanan tambahan daripada ekstrak terpilih Pembangunan nanokomposit biopolimer	Pembangunan prototaip produk	4 proses / protokol baru untuk pembangunan bahan nanokomposit biopolimer dan biopolimer 3 produk untuk aplikasi perubatan dan penjagaan kesihatan 1 produk untuk aplikasi marin / akuakultur 10 penerbitan dalam jurnal / prosiding 1 laporan teknikal	R&D&C&I dalam bahan polimer termaju dipertingkatkan Ketersediaan bahan polimer termaju tempatan yang menjimatkan kos dan mesra alam dipertingkatkan	Peneraju BTS Sokongan BST BAB BTP BTI RMC BKP BPA INTROP UPM UKM UTM USM FRIM DOF ATM
2.	Pembangunan polimer biodegradasi serasi sinaran	Membangunkan formulasi polimer biodegradasi sumber semula jadi dan sintetik	Menghasilkan produk prototaip sekali guna dan pakai buang untuk aplikasi perubatan Memperkenalkan produk yang dihasilkan dalam industri pembungkusan Pelaksanaan kajian praklinikal / klinikal	Penerapan produk dalam industri perubatan dan pembungkusan	2 produk biodegradasi 10 penerbitan dalam jurnal / prosiding	Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dipertingkatkan dengan memerangi pencemaran, melindungi biodiversiti memulihara sumber asli dan meningkatkan penggunaan plastik biodegrasi	Peneraju BTS Sokongan BST BAB BTP BTI RMC BKP BPA SIRIM UKM UPM USM UTM

No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
3.	Membangunkan bahan polimer terawat sinaran	Pembangunan bahan fotopolimer	Pembangunan salutan terawat sinaran untuk tindak balas lanjutan terhadap rangsangan (seperti anti-calar dan lelasan, anti-karat, anti-kotoran, anti-mikrob, swa-pemulihan, super-hidrofobik, pengesan sinaran) Pencirian dan penilaian prestasi salutan terawat sinaran	Pembangunan prototaip produk untuk kemasan permukaan dan perlindungan serta pengesan sinaran (seperti salutan pengikat-air, salutan pengikat-pelarut dan dosimeter sinaran)	5 produk terawat sinaran 10 penerbitan jurnal / prosiding	Kualiti produk terawat sinaran dipertingkatkan untuk kegunaan industri dan perubatan	Peneraju BTS Sokongan RMC BKP BTI BAB BTP BST BPA BKJ UKM UPM USM UTM
4.	Kitar semula sisa polimer menggunakan pemprosesan sinaran untuk pengeluaran produk industri bernilai tinggi	Pengoptimuman parameter proses sinaran terhadap komposit polimer dikitar semula	Pembangunan formulasi komposit polimer serasi melalui pemprosesan sinaran reaktif Penghasilan produk industri daripada formulasi yang dibangunkan	Pembangunan loji rintis dan produk prototaip Pemindahan teknologi	3 formulasi / produk: 1. PTFE 2. Gentian carbon 3. Rubber 10 penerbitan dalam jurnal / prosiding	Pemeliharaan alam sekitar dipertingkatkan	Peneraju BTS Sokongan BST BTI RMC BKP BPA UKM UPM USM UTM
5.	Membangunkan membran polimer dan pemisah untuk storan tenaga bateri aliran.	Membangunkan membran polimer dan pemisah menggunakan teknologi pemprosesan sinaran reaktif	Penghasilan dan penilaian membran polimer berskala besar dalam penyimpanan tenaga bateri aliran	Mewujudkan kemudahan bagi penghasilan membran pemisah menggunakan teknologi sinaran reaktif Pemindahan teknologi	2 formulasi baru/ Membran cangkukan polimer 10 penerbitan dalam jurnal/ prosiding	Teknologi alternatif untuk penyimpanan tenaga solar dengan kapasiti penyimpanan yang tinggi	Peneraju BTS Sokongan BST BTI RMC BKP BPA UTM

No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
6.	Membangunkan bahan berpolimer terawat radiasi untuk pemeliharaan alam sekitar, mitigasi dan pemulihan logam	Membangunkan bahan penjerap dan proses rawatan menggunakan teknologi sinaran	Penghasilan, pencirian dan pengujian produk (bahan penyerap/ bahan penjerap) Proses rawatan sisa air menggunakan teknologi sinaran	Pengeluaran prototaip berskala perintis Pemindahan teknologi	Bahan polimer cangkukan sinaran untuk penjerapan ion logam Proses rawatan teknologi sinaran 10 penerbitan jurnal/ prosiding	Peningkatan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar melalui penyingkiran pencemaran, perlindungan biodiversiti, dan pemuliharaan sumber asli	Peneraju BTS Sokongan BST BTI RMC BKP BAS BPA UTM UPM
7.	Memperkasa perkhidmatan penganalisaan dan proses yang berkaitan dengan teknologi pemprosesan sinaran	Menyediakan kepakaran dalam bidang penyinaran, pemprosesan bahan dan pencirian kepada pihak industri	Menyediakan latihan dalam menggunakan peralatan pemprosesan sinaran dan analitikal	Mengukuhkan kepakaran teknikal kepada industri	Pusat pemprosesan sinaran dan pencirian bahan dengan keupayaan R&D&C Kakitangan terlatih	Kerjasama penyelidikan dalam bidang pemprosesan sinaran di kalangan penyelidik, ahli akademik universiti dan pemain industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di pertingkatkan	Peneraju BTS Sokongan BST BTI RMC BKT BKP Institut Penyelidikan Universiti
Strategi 2: Memajukan aplikasi teknologi NDT							
1.	Mempromosi penggunaan teknologi NDT termaju	Mempromosikan teknologi NDT termaju Membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) untuk teknik NDT termaju Melahirkan tenaga pengajar dan jurutunjuk yang berkelayakan dalam bidang NDT Termaju	Membangunkan sistem NDT termaju Membangunkan infrastruktur dan kemudahan latihan moden untuk NDT termaju Membangun program Kelayakan dan Persijilan dalam NDT termaju	Menubuhkan pusat rujukan NDT termaju	6 sistem NDT termaju 18 prosedur NDT termaju Akreditasi ISO/ IEC 17020	Infrastruktur dan keupayaan dalam NDT termaju untuk pembangunan industri yang mampan diperkasa	Peneraju BTI Sokongan BST BKT MSNT JPK DSM JKKP PETRONAS IAEA

No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
2.	Membangunkan teknologi automasi *multimodal* NDT untuk industri	Membangunkan data asas pemeriksaan industri	Membangunkan kemudahan khusus dan lengkap untuk NDT termaju	Membangunkan teknologi automasi pemeriksaan Pengiktirafan prosedur pemeriksaan NDT	2 jenis penyelesaian pemeriksaan Program kawalan kualiti dan jaminan kualiti serta pemantauan keadaan yang baru	Keunggulan NDT termaju untuk kerjasama strategik dengan industri diiktiraf	Peneraju BTI Sokongan BST BKT MSNT JPK DSM JKKP PETRONAS IAEA
3.	Membangunkan sistem inovatif dan menghasilkan model simulasi ramalan/ interpretasi	Penghasilan semula dan pembangunan model pelbagai jenis masalah perindustrian Membina rekod penyelesaian menggunakan alat simulasi komputer	Membangunkan kemudahan ujian untuk mengesahkan secara eksperimen penemuan berasaskan simulasi komputer	Menghasilkan sistem inovatif	Model simulasi interpretasi untuk 6 teknik NDT termaju	Kecekapan keselamatan dan pemeriksaan dalam industri dipertingkatkan	Peneraju BTI Sokongan BST BKT MSNT JPK DSM JKKP PETRONAS IAEA

No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
Strategi 3: Memajukan teknologi nuklear untuk kemampanan pembangunan industri menggunakan penyurih radioaktif							
1.	Membangunkan teknologi penyurih radioaktif yang inovatif	Penambahbaikan terhadap teknik penyurih radioaktif bagi tujuan pengujian dan penyelesaian permasalahan pelbagai sektor industri.	Membangunkan sistem, bahan dan teknologi penyurih radioaktif pintar dan inovatif. Membangunkan fasiliti dan sistem automasi termaju bagi teknologi penyurih radioaktif.	Teknologi dan pengujian penyurih radioaktif pintar menggunakan Internet Pelbagai Benda (IoT) dan teknologi kecerdasan buatan (AI) Meningkatkan kapasiti dan kemampuan peralatan automasi dan sistem penilaian kendiri penyurih radioaktif pintar.	2 instrumentasi pintar untuk sistem penyurih dan pengendalian radioaktif 2 perisian analisis data 1 tolok kecerdasan buatan pemeriksaan paip (PIG) 1 kemudahan *single photon emission computed tomography industri (iSPECT)* Prob penyurih radioaktif: 1. 1 sistem suntikan penyurih radioaktif automati 2. 1 sistem pemeriksaan dan penilaian penyurih radioaktif robotik	Kajian dan penyelesaian masalah berkaitan proses loji (minyak dan gas, mineral, tenaga, pertanian, alam sekitar dan industri) dioptimumkan Diiktiraf sebagai Organisasi Sokongan Teknikal (TSO) kepada pemegang taruh	Peneraju BTI Sokongan Institut Penyelidikan Universiti Industri JKKP
2.	Memantapkan teknik penyurih radioaktif bertujuan sebagai jaminan kualiti (QA) dan kawalan kualiti (QC)	Pengumpulan data penilaian dan diagnostik	Mempelbagaikan teknik QA dan QC dengan menggunakan penyurih radioaktif industri	Menubuhkan pusat rujukan kebangsaan bagi aplikasi teknik penyurih radioaktif industri	1 pangkalan data penilaian penyurih radioaktif 1 piawaian QA dan QC 2 model 1 prosedur QA dan QC dengan aplikasi penyurih radioaktif 1. model 2. simulasi komputer 1 Pusat Kecemerlangan Teknologi Penyurih Radioaktif	Diiktiraf sebagai Pusat Rujukan Teknologi Penyurih Radioaktif Industri untuk pembangunan industri yang mampan	Peneraju BTI Sokongan Institut Penyelidikan Universiti

No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
Strategi 4: Memajukan teknologi punca terkedap dan peralatan pengukur nuklear moden							
1.	Pemodenan fasiliti untuk teknologi punca radioaktif terkedap termaju dan tolok nuklear moden	Membangunkan, mempromosikan dan mengkomersialkan sistem diagnostik dan pemeriksaan termaju untuk penilaian loji	Pemodenan Kemudahan Penilaian dan Pengesahan (EVF) Peningkatan sistem pengukuran dan pengimejan berasaskan radioisotop (cepat, selamat dan beresolusi tinggi)	Penubuhan Pusat Kecemerlangan Penilaian dan Pengesahan Loji	2 sistem pengujian & diagnostik termaju 2 sistem pengimejan tomografi berkomputer (CT) yang canggih 1 Kemudahan Loji Penilaian dan Pengesahan 1 Pusat Kecemerlangan Teknologi Tomografi Berkomputer	Diiktiraf sebagai Pusat Rujukan Punca Radioaktif Terkedap untuk pembangunan industri yang mampan Diiktiraf sebagai Pusat Rujukan Kebangsaan Tomografi Berkomputer untuk pembangunan industri yang mampan	Peneraju BTI Sokongan BST BTP
Strategi 5: Penerokaan teknologi baharu pengekstrakan unsur nadir bumi							
1.	Membangunkan keupayaan loji perintis untuk pengekstrakan unsur nadir bumi daripada sumber mineral tempatan	Membangunkan proses dan prosedur pengekstrakan unsur nadir bumi pada skala makmal Merekabentuk proses loji demo pada skala makmal bagi proses pengekstrakan unsur nadir bumi Permohonan lesen LPTA/A/724	Merekabentuk dan mengubahsuai komponen utama loji perintis untuk pengekstrakan unsur nadir bumi	Penubuhan loji perintis untuk proses dan prosedur pengekstrakan unsur nadir bumi Pemindahan teknologi kepada industri yang berkaitan	6 proses mineral untuk pengekstrakan unsur nadir bumi Loji demonstrasi skala makmal Pembangunan sumber manusia di dalam bidang proses nadir bumi 1. 2 PhD 2. 4 MSc	Diiktiraf sebagai Pusat Rujukan Kebangsaan Penyelidikan Pengekstrakan Unsur Nadir Bumi untuk pembangunan industri yang mampan	Peneraju BTI Sokongan BAS BST BKS BKJ
Strategi 6: Membangunkan peralatan nuklear termaju dan pengesan sinaran							
1.	Membangunkan sistem pengesanan sinaran	Pembangunan bahan, proses, kompetensi dan perisian komputer	Pembangunan prototaip dan demonstrasi	Pengkomersilan dan pemindahan teknologi	1 spektrometer sinaran mengion berasaskan CMOS 1 spektrometer gama berasaskan fotodiod 1 sistem pengimejan sinaran	Diiktiraf sebagai Pusat Rujukan untuk Pengesanan dan Pemantauan Sinaran untuk pembangunan industri yang mampan	Peneraju BTI Sokongan BST BKS

No.	Inisiatif	Aktiviti			Output (KPI)	Hasil	Tanggungjawab (Peneraju & Sokongan)
		Jangka Pendek (2021-2022)	Jangka Sederhana (2023-2025)	Jangka Panjang (2026-2030)			
Strategi 7:Mengukuhkan teknik analitik nuklear untuk pembangunan dan pencirian bahan							
1.	Membangunkan bahan dan sistem untuk kegunaan tenaga boleh diperbaharui	Menghasilkan teknologi dan kempetensi baharu di dalam pembangunan bahan untuk penghasilan tenaga	Penghasilan sistem tenaga yang efisien dan menjimatkan kos	Pelaksanaan program kerjasama penyelidikan dalam sektor yang disasarkan	1 bahan dan sistem baharu yang stabil dan efisien bagi mengatasi masalah kos dan ketahanan di dalam sel fuel 1 sistem penstoran hidrogen yang padat dan selamat dapat dibangukan 1 sistem pemisahan air secara fotokimia dihasilkan	Sistem tenaga hidrogen boleh diperbaharui yang mampumilik dan berketahanan tinggi untuk keselamatan tenaga negara	Peneraju BTI Sokongan BST UKM
2.	Membangunkan bahan untuk pengesanan persekitaran, penjagaan kesihatan dan kawalan	Fabrikasi bahan dan pembangunan proses	Demonstrasi prototaip dan ujian tapak	Melindungi persekitaran dan risiko kesihatan awam	2 sistem pengesan persekitaran tanpa wayar dan boleh pakai. Satu bahan baharu berasaskan gentian nano untuk perancah 3D 1 bahan pelindung sinaran neutron terma	Sistem bahan pintar untuk menyokong kelestarian alam sekitar dan penjagaan kesihatan	Peneraju BTI Sokongan BST
3.	Membangunkan bahan untuk perlindungan kakisan permukaan dan pemeliharaan warisan	Fabrikasi bahan dan pembangunan proses	Membangunkan prototaip baharu, pengkalan data, prosedur dan teknik	Pengkomersilan dan pemindahan teknologi kepada pemegang taruh	1 proses baharu untuk pemuliharaan, pemeliharaan dan konsolidasi bahan artifak	Pusat rujukan untuk perlindungan kakisan dan pemeliharaan artifak warisan negara	Peneraju BTI Sokongan BST
Strategi 8: Peningkatan perkhidmatan, pengkomersialan dan pemindahan teknologi							
